



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **PEMBOLEHUBAH MAKROEKONOMI YANG MEMPENGARUHI KADAR PENGANGGURAN DI MALAYSIA**

**NURLIAYANA ARIESHA BINTI HAMDAN**

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH



05-4506832



pustaka

IJAZAH SARJANA EKONOMI (KEWANGAN)



PustakaTBainun



ptbupsi

(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Illahi dengan izin-Nya, akhirnya saya dapat menyiapkan kertas projek tahun akhir saya dalam Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kewangan).

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga tercinta kerana memberi sokongan dari segi fizikal dan mental sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kepada saya untuk menyiapkan kertas projek ini.

Kedua, saya ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih buat pensyarah penyelia saya iaitu Dr. Normala binti Zulkifli kerana banyak membantu dan membimbing saya untuk menyiapkan dan menghasilkan sebuah kertas projek tahun akhir yang lengkap. Segala bantuan dan bimbingan daripada beliau amat saya hargai.

Dan dalam peluang ini saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan -rakan seperjuangan saya yang banyak membantu dan berkongsi ilmu dalam menyiapkan tugas ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Sekian, terima kasih.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti pembolehubah makroekonomi terpilih iaitu FDI, INF dan PO terhadap KP di Malaysia dari tahun 1986 sehingga tahun 2021. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pembolehubah makroekonomi terpilih yang mempengaruhi kadar pengangguran di Malaysia dari tahun 1986 sehingga tahun 2021. Bagi mencapai objektif, kajian ini menggunakan pendekatan ARDL bagi jangka masa panjang dan jangka masa pendek. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa dalam jangka masa panjang, didapati bahawa hanya pelaburan langsung asing (FDI) dan kadar pertumbuhan penduduk (PO) yang mempunyai hubungan positif dan signifikan terhadap kadar pengangguran (KP). Manakala, bagi kadar inflasi (INF) didapati bahawa mempunyai hubungan yang negatif dan signifikan terhadap kadar pengangguran. Bagi jangka masa pendek pula, didapati bahawa hanya kadar pertumbuhan penduduk (PO) mempunyai hubungan positif dan signifikan terhadap kadar pengangguran manakala pelaburan langsung asing (FDI) dan kadar inflasi (INF) mempunyai hubungan yang negatif dan signifikan terhadap kadar pengangguran (KP). Justeru, implikasi dasar terhadap kawalan pembolehubah markoekonomi tertentu berupaya memastikan kadar pengangguran di Malaysia kekal rendah dan di dalam guna tenaga penuh.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## ABSTRACT

The main purpose of this study is to identify selected macroeconomic variables which are FDI, INF and PO towards KP in Malaysia from 1986 until 2021. The objective of this study is to identify selected macroeconomic variables that affect the unemployment rate in Malaysia from 1986 until year 2021. To achieve the objective, this study uses the ARDL approach for the long term and short term. The results of this study found that in the long term, it was found that only foreign direct investment (FDI) and population growth rate (PO) have a positive and significant relationship with the unemployment rate (KP). Meanwhile, for the inflation rate (INF) it was found that it has a negative and significant relationship with the unemployment rate. For the short term, it was found that only the population growth rate (PO) has a positive and significant relationship with the unemployment rate while foreign direct investment (FDI) and the inflation rate (INF) have a negative and significant relationship with the unemployment rate (KP). Thus, the policy implications for the control of certain macro-economic variables are able to ensure that the unemployment rate in Malaysia remains low and at full employment.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## ISI KANDUNGAN

|  |     |
|--|-----|
| PENGHARGAAN .....  | i   |
| ABSTRAK .....  | ii  |
| ABSTRACT .....   | iii |
| SENARAI JADUAL.....  | vi  |
| SENARAI RAJAH .....  | vi  |
| SENARAI SINGKATAN.....   | vii |
| BAB 1.....   | 1   |
| 1.1 Pengenalan.....  | 1   |
| 1.2 Latar Belakang Kajian.....   | 2   |
| 1.3 Pernyataan Masalah.....  | 10  |
| 1.4 Objektif Kajian.....   | 13  |
| 1.4.1 Objektif Umum.....   | 13  |
| 1.4.2 Objektif Khusus.....   | 14  |
| 1.5 Persoalan Kajian .....   | 14  |
| 1.6 Hipotesis Kajian.....  | 14  |
| 1.7 Kerangka Konseptual Kajian .....   | 15  |
| 1.8 Skop Penyelidikan.....   | 18  |
| 1.9 Kepentingan Kajian.....  | 18  |
| 1.10 Definisi Operasional.....   | 20  |
| 1. 10.1 Kadar Pengangguran .....   | 20  |
| 1.10.2 Pelaburan Langsung Asing .....  | 20  |
| 1.10.3 Kadar Inflasi.....  | 21  |
| 1.10.4 Kadar Pertumbuhan Penduduk.....   | 22  |
| 1.11 Organisasi Kajian .....   | 23  |
| 1.12 Rumusan.....  | 24  |
| BAB 2.....   | 25  |
| 2.1 Pengenalan.....  | 25  |
| 2.2 Kerangka Teori .....   | 25  |
| 2.3 Tinjauan Kajian Lepas.....   | 29  |
| 2.3.1 Kadar Pengangguran .....   | 29  |
| 2.3.2 Hubungan Antara Pelaburan Langsung Asing Dengan Kadar Pengangguran ..... | 31  |
| 2.3.3 Hubungan Antara Kadar Inflasi Dengan Kadar Pengangguran .....            | 42  |





|  |     |
|--|-----|
| 2.3.4 Hubungan Antara Kadar Pertumbuhan Penduduk Dengan Kadar Pengangguran.. | 51  |
| 2.4 Rumusan.....   | 58  |
| BAB 3.....   | 60  |
| 3.1 Pengenalan.....  | 60  |
| 3.2 Pengumpulan Data .....   | 60  |
| 3.3 Metodologi.....  | 62  |
| 3.4 Ujian Punca Unit ( <i>Unit Root Test</i> ).....                          | 63  |
| 3.5 Ujian Sempadanan ( <i>Bounding Test</i> ) .....                          | 66  |
| 3.6 Specifikasi Model.....   | 66  |
| 3.7 Penganggaran Jangka Masa Pendek .....                                    | 69  |
| 3.8 Ujian Diagnostik .....   | 70  |
| 3.8.1 Ujian Normaliti.....   | 71  |
| 3.8.2 Ujian Korelasi Penganda Lagrange (Lm) Bersiri Breusch-Godfrey: .....   | 71  |
| 3.8.3 Ujian Heteroskedastisiti: Arch .....                                   | 72  |
| 3.9 Ujian Stabiliti.....   | 73  |
| 3.10 Rumusan.....  | 74  |
| BAB 4.....   | 75  |
| 4.1 Pengenalan.....  | 75  |
| 4.2 Ujian Punca Unit ( <i>Unit Root Test</i> ).....                          | 75  |
| 4.3 Ujian Sempadanan ( <i>Bound Test</i> ) .....                             | 77  |
| 4.4 Penganggaran Jangka Masa Panjang Ard1.....                               | 79  |
| 4.5 Penganggaran Jangka Masa Pendek ( <i>Error Correction Form</i> ).....    | 82  |
| 4.6 Ujian Diagnostik .....   | 86  |
| 4.7 Ujian Stabiliti.....   | 88  |
| 4.8 Rumusan.....   | 90  |
| BAB 5.....   | 91  |
| 5.1 Pengenalan.....  | 91  |
| 5.2 Ringkasan Dapatan Kajian.....  | 91  |
| 5.3 Implikasi Dasar .....  | 94  |
| 5.4 Cadangan .....   | 96  |
| 5.5 Rumusan.....   | 96  |
| RUJUKAN.....   | 98  |
| LAMPIRAN.....  | 116 |





## SENARAI JADUAL

| <b>Bil. Jadual</b> |   | <b>Muka surat</b> |
|--------------------|---|-------------------|
| Jadual 4.1         | Ujian Punca Unit                                      | 74                |
| Jadual 4.2         | Keputusan Ujian Sempadan                              | 76                |
| Jadual 4.3         | Keputusan Penganggaran Koefisien Jangka Masa Panjang  | 77                |
| Jadual 4.4         | Keputusan Penganggaran Jangka Masa Pendek             | 80                |
| Jadual 4.5         | Keputusan Ujian Breusch-Godfrey Serial Correlation LM | 84                |
| Jadual 4.6         | Keputusan Ujian Heteroskedastisiti:ARCH               | 84                |

## SENARAI RAJAH

| <b>Bil. Rajah</b> |   | <b>Muka Surat</b> |
|-------------------|---|-------------------|
| Rajah 1.1         | Pengangguran, Kadar Pegangguran & Perkembangan GDP                | 5                 |
| Rajah 1.2         | Hubungan antara Kadar Pengangguran dan Pelaburan Langsung Asing   | 7                 |
| Rajah 1.3         | Hubungan antara Kadar Pengangguran dan Kadar Inflasi              | 8                 |
| Rajah 1.4         | Hubungan antara Kadar Pengangguran dan Kadar Pertumbuhan Penduduk | 9                 |
| Rajah 1.5         | Pembolehubah Makroekonomi Terpilih                                | 15                |
| Rajah 1.6         | Autoregresif Lat Tertabur (ARDL)                                  | 16                |
| Rajah 2.1         | Pengangguran mengikut Umur Tahun 2020                             | 51                |
| Rajah 4.1         | Keputusan Ujian Normaliti   | 85                |
| Rajah 4.2         | Keputusan CUCUM   | 86                |
| Rajah 4.3         | Keputusan CUCUMQ  | 87                |





## SENARAI SINGKATAN

ADF

Augmented Dickey Fuller

ARCH

*Autoregressive Conditional**Heteroscedasticity*

ARDL

Autoregressif Lat Tertabur

COVID-19

2019 Novel Coronavirus

CUCUMSQ

Kumultif Jumlah Baki Rekursif

CUCUM

Ujian Jumlah Baki Kuasa Dua

ECT

Istilah Pembetulan Ralat

FDI

Pelaburan Langsung Asing



INF

Kadar Inflasi

IRF

Fungsi Tindak Balas

KILM

*Key Indicators of Labour Market*

KP

Kadar Pengangguran

NAIRU

*Non Accelerating Inflation Rate of Unemployment*

OLS

*Ordinary Least Square*

PKP

Perintah Kawalan Pergerakan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PKPP

Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

PKPB

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat

PO

Kadar Pertumbuhan Penduduk

PP

Philip Perron

TY

Toda Yamamoto

VAR

Model Autoregressif

VECM

Model Pembetulan Ralat Vektor



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

vii



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 PENGENALAN

Pekerjaan merupakan medium yang utama untuk tenaga buruh memperoleh sumber pendapatan bagi melangsungkan kehidupan. Sumber pendapatan amat penting bagi era globalisasi sekarang. Hal ini kerana, bagi tenaga buruh, pekerjaan itu amat penting kerana

melaluinya mereka akan memperoleh sumber pendapatan. Dengan hasil gaji yang diperoleh daripada pekerjaan itu akan digunakan untuk membeli kelengkapan dapur, menampung kehidupan seharian, menampung ahli keluarga dan lain-lain. Sumber pendapatan merupakan jaminan untuk hidup dengan selesa. Bagi tenaga buruh yang masih belum mempunyai pekerjaan, mereka tergolong dalam golongan pengangguran.

Pengangguran merupakan salah satu isu yang tidak asing lagi bagi sesebuah negara. Setiap negara sudah tentu akan menghadapi isu berkaitan dengan pengangguran. Pengangguran yang tinggi akan menggugat kedaulatan sesebuah negara kerana pelbagai impak yang akan dihadapi disebabkan pengangguran. Masyarakat kini amat memerlukan wang untuk meneruskan kehidupan, jadi sekiranya mereka dalam keadaan tidak bekerja, mereka akan melakukan pelbagai kegiatan untuk memperoleh pendapatan seperti mencuri, merompak, menyamun dan pelbagai kegiatan jenayah. Ini merupakan impak yang negatif yang terpaksa ditanggung oleh sesebuah negara yang mempunyai kadar pengangguran yang tinggi. Bahkan,





pengangguran ini diibaratkan seperti pembuangan sumber manusia yang percuma kerana tiada manfaat yang diperoleh kepada negara.

Masalah pengangguran merupakan fenomena yang biasa bagi setiap negara yang pasaran buruhnya dinamik. Tidak kira sama ada negara membangun maupun negara maju, susah tentu akan menghadapi isu berkaitan dengan masalah pengangguran. Jadi, tidak hairanlah jika pengangguran menjadi topik yang sering dibicarakan dalam perdebatan politik dan para ahli politik sering menjadikan isu ini sebagai modal politik mereka dengan menawarkan peluang pekerjaan yang banyak jika mampu memegang tumpuk pemerintahan (Mankiw, 2003), (Batong, Boroh & Lim, 2017). Pengangguran ini dikaitkan dengan ketidakseimbangan antara penawaran tenaga kerja dengan permintaan tenaga kerja (Aziz, 2020). Individu yang bekerja akan tergolong dalam kumpulan *employ* manakala individu yang tidak bekerja akan tergolong dalam kumpulan *unemploy*.



Isu pengangguran haruslah ditangani kerana peningkatan pengangguran ini akan mendorong kepada peningkatan kadar kemiskinan. Walaupun ramai yang bekerja tetapi masih dalam fasa kemiskinan atau kemiskinan bandar, namun mereka masih mempunyai pendapatan untuk menampung kehidupan mereka berbanding mereka yang menganggur. Menurut Batong et, al. (2017), seseorang yang kehilangan pekerjaan bererti mengalami penurunan kualiti kehidupan dan tekanan psikologi. Oleh itu, bagi mengurangkan masalah pengangguran daripada terus meningkat, pembolehubah makroekonomi terpilih yang mempengaruhi pengangguran haruslah dikenalpasti supaya masalah pengangguran dapat dikawal.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Di dalam topik pekerjaan, terdapat beberapa istilah yang berkait rapat iaitu bekerja (*employed*), penganggur (*unemployed*), pengangguran (*unemployment*), tenaga buruh (*labor force*), dan guna tenaga penuh (*full employment*). Setiap istilah ini mempunyai definisi yang berbeza-beza





dan digunakan mengikut matlamat yang ingin dikaji. Individu yang bekerja akan tergolong dalam golongan bekerja (*employed*), manakala individu yang tidak bekerja akan tergolong dalam penganggur (*unemployed*). Individu yang berusia antara umur 15 tahun sehingga 64 tahun yang tidak bekerja akan tergolong dalam tenaga buruh (*labor force*). Tenaga buruh terdiri daripada mereka yang bekerja dan menganggur. Selebihnya mereka yang tidak mempunyai pekerjaan dan tidak mencari pekerjaan tidak dikira sebagai tenaga buruh.

Pengangguran merupakan keadaan di mana seseorang individu tersebut mahu bekerja tetapi tidak mendapat sebarang peluang pekerjaan. Golongan yang dibenarkan bekerja dan dianggap sebagai tenaga buruh adalah individu yang berusia 15 tahun sehingga 64 tahun yang mana mempunyai kudrat untuk bekerja dan sanggup bekerja. Pengangguran ini merujuk kepada perbezaan antara tahap tenaga buruh dan tahap pekerjaan (Serhat & Zafer, 2017). Individu yang diklasifikasikan sebagai penganggur adalah mereka yang tidak mempunyai

pekerjaan, telah mencari pekerjaan secara aktif dan bersedia untuk bekerja.



Definisi ringkas bagi kadar pengangguran adalah kadar peratus jumlah tenaga buruh yang tidak mendapat pekerjaan berbanding jumlah tenaga buruh. Kadar pengangguran (*Key Indicators of the Labour Market Unemployment*) bersama-sama dengan nisbah pekerjaan kepada penduduk (KILM2) adalah statistik paling terkenal yang digunakan untuk menerangkan situasi pasaran buruh pada bila-bila masa di kebanyakan negara di seluruh dunia. Maklumat tentang aliran pengangguran menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang variasi dalam pengangguran yang terhasil daripada perubahan dalam kadar pekerja beralih daripada status pekerjaan kepada pengangguran dan sebaliknya. Walaupun kadar pengangguran mungkin merupakan penunjuk paling penting bagi kesusahan yang dialami oleh tenaga kerja, terdapat petunjuk pasaran buruh tambahan lain yang perlu dilihat bersama dalam kombinasi untuk menawarkan pandangan yang lebih sihat tentang kesukaran pengangguran pekerja.






Kadar pengangguran mengukur tahap penggunaan tenaga kerja dan ketidakupayaan bahagian pekerja yang aktif mencari pekerjaan untuk mendapatkan pekerjaan

Pengangguran dikaitkan dengan ketidakseimbangan antara penawaran tenaga kerja dengan permintaan tenaga kerja (Aziz, 2020). Pengangguran merupakan salah satu isu utama dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Sesebuah negara dikatakan mempunyai pertumbuhan yang mampan jika kadar penganggurnya rendah. Hal ini kerana, kadar pengangguran merupakan petunjuk yang penting kepada prestasi kitaran ekonomi (Norhayati, Ishak & Rahmah, 2012). Kekurangan peluang pekerjaan akan mengecewakan bakal pelabur dan akan membawa kepada pertumbuhan sektor pekerjaan tidak formal (Manaa et. al, 2020).

Terdapat beberapa jenis pengangguran, antaranya ialah pengangguran geseran, pengangguran struktur, pengangguran bermusim dan pengangguran kitaran (Asmawi et. al. 2019). Pengangguran geseran merupakan pengangguran yang bersifat sementara yang mana ini berlaku apabila pelajar sedang memohon pekerjaan setelah tamat persekolahan atau pekerja yang berhenti bekerja dan sedang memohon kerja yang lebih baik. Pengangguran geseran ini hanya berlaku dalam jangka masa pendek sahaja. Seterusnya adalah pengangguran struktur. Pengangguran ini berlaku apabila sesebuah negara mengalami masalah perubahan dalam struktur ekonomi. Pengangguran struktur ini merupakan pengangguran jangka masa panjang kerana mereka memerlukan masa yang lama untuk mendapatkan pekerjaan selari dengan kelayakan dan kemahiran yang ada. Selain itu adalah pengangguran bermusim. Pengangguran bermusim ini merujuk kepada pengangguran yang mana hanya berlaku pada masa tertentu sahaja seperti apabila berlakunya musim tengkujuh, para nelayan akan mengalami masalah pengangguran bermusim kerana mereka tidak dapat ke laut untuk bekerja. Pengangguran ini merupakan pengangguran jangka masa pendek dan sering berlaku kepada sektor pertanian dan perikanan. Akhir sekali adalah pengangguran kitaran. Pengangguran kitaran ini berlaku akibat kemerosotan dalam perbelanjaan agregat. Kemerosotan perbelanjaan agregat akan



mengurangkan pengeluaran seterusnya mengurangkan penggunaan buruh dan menyebabkan pengangguran. Pengangguran kitaran ini berlaku dalam jangka masa panjang dan sukar diatasi.



Rajah 1.1

Berdasarkan Rajah 1.1, dapat dilihat bahawa Malaysia pernah mencapai kadar pengangguran tertinggi iaitu 7.4 peratus pada tahun 1986 dan merupakan peratusan kadar pengangguran yang tertinggi dalam tempoh 30 tahun (1981 – 2010) disebabkan oleh pertumbuhan sektor swasta yang perlahan pada tahun 1970-an sehingga pertengahan tahun 1980-an telah menyebabkan pengurangan dalam permintaan buruh (Norhayati et. al 2012). Pada tahun 1989, kadar pengangguran Malaysia ialah 5.7 peratus dan mula menurun sehingga 2.4 peratus pada tahun 1997, namun meningkat kepada 3.2 peratus pada tahun 1998. Peningkatan itu disebabkan oleh berlakunya krisis kewangan Asia, namun Malaysia masih lagi berada dalam guna tenaga penuh yang mana peratus kadar pengangguran masih lagi dibawah 4 peratus. Penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara (RPEN) dengan 6 objektif utama telah menyelamatkan Malaysia daripada krisis yang lebih ekstrim seperti yang berlaku ke atas beberapa negara lain seperti pengangguran yang tinggi, kemiskinan dan kebankrutan yang sangat besar (Norhayati et. al., 2012).




Pada tahun 2020, dunia sekali lagi diuji dengan masalah yang sangat besar iaitu apabila dunia diserang dengan pandemik COVID-19. Serangan COVID-19 ini memberi impak yang sangat besar kepada dunia termasuklah kepada masalah pengangguran. Bahkan juga, bukan sahaja sektor ekonomi yang terjejas disebabkan COVID-19, tetapi juga sektor sosial turut terkesan dengan pandemik COVID-19 yang mana telah mencatatkan kes jangkitan sebanyak 630 juta dan kes kematian sebanyak 6.59 juta orang sehingga 31 Oktober 2022. Bagi mengekang penularan wabak pandemik COVID-19 ini, kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). PKP yang dilaksanakan ini telah memberi impak yang positif dan negatif kepada negara yang mana positifnya ialah dapat mengurangkan kes jangkitan COVID-19 kepada masyarakat, namun kesan negatif disebabkan pelaksanaan PKP adalah ianya menjelaskan sektor pekerjaan kerana banyak sektor pekerjaan terpaksa ditutup bagi mengawal penularan wabak pandemik COVID-19. Penutupan sektor pekerjaan telah menjerumus kepada peningkatan kadar pengangguran di Malaysia yang mana mencecah kepada 4.5 peratus pada tahun 2020 iaitu melebihi peratusan guna tenaga penuh.

Selain itu, apabila individu menghadapi ketidaktentuan pasaran buruh seperti pengangguran, kehilangan pendapatan, atau pemberhentian, mereka mungkin lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam program latihan lepas menengah formal untuk menyusun (*retool*) semula ekonomi baharu (Hilman et. al, 2013).

Menurut Mustafa dan Azizun (2020), pelaburan langsung asing memainkan peranan penting dalam mengurangkan masalah pengangguran kerana pelaburan asing ini dapat meningkatkan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Namun begitu, pelaburan langsung asing juga dapat meningkatkan kadar pengangguran kerana kegunaan teknologi yang canggih dapat mengurangkan penggunaan tenaga buruh.




## Hubungan antara Kadar Pengangguran dan Pelaburan Langsung Asing dari tahun 1986 sehingga tahun 2021



Rajah 1.2

Berdasarkan rajah 1.2, dapat dilihat bahawa graf menunjukkan hubungan yang songsang antara kadar pengangguran dan pelaburan langsung asing yang mana apabila pelaburan langsung asing meningkat, ianya menunjukkan penurunan dalam kadar pengangguran. Melalui data Malaysia dari tahun 1986 sehingga tahun 2021 ini jelas menunjukkan bahawa pelaburan langsung asing ini membantu dalam mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia.


## Hubungan antara Kadar Inflasi dan Kadar Pengangguran dari tahun 1986 sehingga tahun 2021.



Rajah 1.3

Berdasarkan rajah 1.3, dapat dilihat bahawa graf menunjukkan hubungan antara kadar inflasi dengan kadar pengangguran. Dari tahun 1986 sehingga tahun 2021, dapat dilihat bahawa hubungan antara kadar inflasi dan kadar pengangguran menunjukkan hubungan yang negatif yang mana apabila kadar inflasi menurun, kadar pengangguran meningkat. Inflasi dan pengangguran merupakan isu ekonomi asas, yang menghubungkan antara dasar dan program kerajaan. Hubungan antara inflasi dan pengangguran boleh diperjelaskan dalam dua tempoh iaitu jangka pendek dan jangka penjang. Menurut kajian Yizhou (2020), keluk Phillips ialah konsep ekonomi yang dibangunkan oleh A. W. Phillips yang menyatakan bahawa inflasi dan pengangguran mempunyai hubungan yang stabil dan songsang. Teori ini menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi akan datangnya dengan inflasi yang mana akan membuka kepada lebih banyak peluang pekerjaan yang boleh membawa kepada pengurangan kadar pengangguran.

## Hubungan antara Kadar Pertumbuhan Penduduk dan Kadar Pengangguran dari tahun 1986 sehingga tahun 2021



Rajah 1.4

Berdasarkan rajah 1.4, dapat dilihat bahawa graf tidak menunjukkan hubungan yang drastik antara kadar pertumbuhan penduduk dengan kadar pengangguran. Dari tahun 1986 sehingga tahun 1993, hubungan antara kadar pertumbuhan penduduk dengan kadar pengangguran menunjukkan hubungan yang selari yang mana kadar pertumbuhan penduduk meningkat maka kadar pengangguran turut meningkat. Namun, selepas tahun 1993, hubungan antara kadar pertumbuhan penduduk dengan kadar pengangguran menunjukkan hubungan yang tidak selari, dan yang paling ketara adalah pada tahun 2020 dan tahun 2021 yang mana walaupun kadar pertumbuhan penduduk menurun, namun kadar pengangguran meningkat. Kadar pertumbuhan penduduk yang semakin banyak ini akan meningkatkan tenaga buruh namun ianya juga akan meningkatkan kadar pengangguran akibat daripada peluang pekerjaan yang ditawarkan tidak selari dengan populasi penduduk di sesebuah negara (Hira & Sandeep, 2014).



### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Kadar pengangguran merupakan salah satu isu utama dalam pembangunan ekonomi. Hal ini kerana, kadar pengangguran yang tinggi akan menganggu masalah ekonomi sesebuah negara. Banyak kajian telah menyatakan bahawa kadar pengangguran memberi kesan negatif kepada pertumbuhan negatif (Ademola dan Badiru, 2016). Bahkan juga, masalah kadar pengangguran yang tinggi ini bukan sahaja memberi kesan kepada ekonomi tetapi turut memberi kesan kepada masalah sosial dalam negara seperti peningkatan kes jenayah dan sebagainya. Akibat pengangguran yang tinggi juga akan menjadikan beban hidup menjadi kompleks (Mankiw, 2003). Jika kadar pengangguran tinggi, bermakna berlakunya pembaziran sumber manusia (Norhayati et. al, 2012). Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau *International Labour Organisation* (ILO), kadar pengangguran yang kurang daripada 4 peratus dikira sebagai guna tenaga penuh (*full employment*). Bagi Malaysia, ekonomi negara masih kekal pada tahap guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran di bawah 4 peratus semenjak tahun 1990an. Namun, Malaysia juga pernah mencapai kadar pengangguran melebihi 4 peratus sekitar tahun 1980an. Banyak kajian telah menunjukkan bahawa banyak faktor ekonomi makro boleh mempengaruhi pengangguran, secara negatif dan positif (Asmawi, et. al, 2019). Oleh itu, pembolehubah makroekonomi yang mempengaruhi pengangguran di Malaysia haruslah dikenalpasti bagi mengurangkan kadar pengangguran di negara ini seterusnya mencapai ekonomi yang lebih maju.

Menurut Keynes, faktor yang mempengaruhi dalam teori keseimbangan pekerjaan adalah pemanjangan pekerja dengan pekerjaan, teknologi dan permintaan produk. Pekerja yang kehilangan pekerjaan telah mengalami kerugian modal dan firma yang kehilangan pekerja berpengalaman dan berkemahiran akan berada dalam kerugian modal (Lucas, 1978). Masalah pengangguran ini sering dititikberatkan oleh kerajaan untuk mengurangkannya, namun ianya sukar kerana penawaran tenaga buruh yang melebihi permintaan menyebabkan ramai yang





terpaksa menganggur. Menurut Guzman (2014), peningkatan pengangguran ini disebabkan oleh masalah pelarasan ekonomi yang dialami semasa kemelesetan dalam kitaran perniagaan ekonomi kapitalis.

Selain itu, kadar pengangguran yang tinggi membawa beberapa akibat terhadap keadaan kewangan, keadaan psikologi, keadaan fizikal, dan beban belanjawan kerajaan yang mana disebabkan oleh penurunan pendapatan daripada cukai dan peningkatan perbelanjaan, dan juga, dalam jangka masa panjang, ia menyebabkan kehilangan kepakaran buruh yang kemudiannya mengurangkan produktiviti negara dan pendapatan masa depan rakyat (CBO, 2013). Kesan negatif pengangguran pada kesejahteraan psikologi telah dijelaskan melalui pelbagai teori (Wanberg, 2012). Bahkan juga, kadar pengangguran yang tinggi akan mendorong kepada peningkatan dalam kes bunuh diri. Hal ini kerana, penganggur akan berasa tertekan disebabkan tiada pekerjaan dan tidak mempunyai pendapatan yang akan mendorong



mereka melakukan tindakan agresif dengan membunuh diri.

Ditambah pula dengan serangan COVID-19 pada akhir tahun 2019 yang melanda dunia menyebabkan berlaku sedikit kekecohan disebabkan serangan wabak itu. Tidak terkecuali bagi Malaysia yang mana turut merasai keganasan serangan COVID-19 pada awal tahun 2020 menyebabkan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi seluruh negara. PKP yang dilaksanakan telah menyekat kegiatan harian masyarakat termasuklah penutupan sementara sektor pekerjaan. Boleh dikatakan hampir semua industri dilumpuhkan buat seketika bagi membanteras penularan wabak COVID-19. Hal ini telah menyebabkan kadar pengangguran meningkat kepada 5.1 peratus atau seramai 791.8 ribu orang menganggur pada suku kedua tahun 2020 (Jabatan Statistik Malaysia).

Sepanjang negara diserangan dengan pandemik COVID-19, pelbagai usaha kerajaan telah dilaksakan bagi menghentikan wabak ini termasuklah melonggarkan PKP kepada





Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Sehinggalah setahun, setelah masyarakat Malaysia berperang dengan pandemik COVID-19, maka mendaratlah vaksin pertama memasuki Malaysia pada bulan Februari 2021. Sedikit kelegaan buat masyarakat dengan kehadiran vaksin tersebut kerana ianya membantu memberikan antibodi yang kuat untuk menghadapi wabak tersebut. Banyak sektor industri mula beroperasi sedikit demi sedikit ketika pelaksanaan PKPB dan PKPP menyebabkan industri pekerjaan kembali pulih. Namun, terdapat juga syarikat yang mengalami kerugian disebabkan pelaksanaan PKP menyebabkan ada yang terpaksa gulung tikar dan juga membuang pekerja. Walaupun ekonomi sudah beransur pula, namun pasca pandemik menyebabkan masih ramai lagi yang menganggur.

Menurut Norhayati (2012), penurunan kadar pengangguran merupakan petanda yang baik dalam ekonomi kerana firma menambahkan peluang pekerjaan sebagai tindakbalas terhadap peningkatan jualan dan keluaran. Bahkan juga, pengangguran akan memberi kesan buruk kepada pendapatan boleh guna masyarakat, kuasa beli menurun serta mengurangkan pengeluaran ekonomi. Eita et. al, (2010) turut bersetuju bahawa pengangguran mempunyai kesan yang besar terhadap kemiskinan, kehilangan tempat tinggal dan menjaskan hubungan kekeluargaan. Pengangguran yang tinggi ini bererti ekonomi telah membuang pengeluaran dengan gagal untuk meletakkan rakyatnya bekerja.

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui adakah pelaburan langsung asing, kadar inflasi dan kadar pertumbuhan penduduk mempengaruhi kadar pengangguran di Malaysia dari tahun 1986 sehingga tahun 2021. Hal ini kerana, dalam tempoh tersebut, pelbagai masalah ekonomi yang berlaku menyebabkan penyelidik tertarik untuk mengkaji adakah dalam tempoh tersebut, pembolehubah makroekonomi yang terpilih ini memberi impak kepada kadar pengangguran. Kemelesetan ekonomi dan pengangguran ini bergerak seiring yang mana jika akan berlaku kemelesetan ekonomi, firma akan mengurangkan pengambilan tenaga buruh





bagi mengurangkan kos ketika menghadapi kemelesetan ekonomi dan ini akan meningkatkan pengangguran (Englama, 2001). Layard et al (1994) menyatakan bahawa pengangguran secara amnya akan mengurangkan keluaran dan pendapatan agregat.

Negara yang menghadapi krisis kewangan yang kritikal akan menyebabkan berlakunya peningkatan dalam pengangguran dan pengangguran jangka masa panjang (Junankar, 2011). Hal ini kerana, bukan mudah untuk sesebuah negara bangun semula selepas mengalami kejatuhan. Selain itu, pada tahun 2020 merupakan salah satu contoh yang mana menyebabkan kadar pengangguran meningkat tinggi. Kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan menyebabkan banyak sektor terkesan dan mengakibatkan pembuangan pekerja. Namun, kesan kepada pembuangan pekerja yang berlaku itu diambil pantas oleh pihak kerajaan yang mana telah melaksanakan pelbagai dasar dan peluang kepada masyarakat untuk berkerja semula. Sebagai contoh, kaedah yang diambil oleh kerajaan adalah *Malaysia Short-term*

*Employment Programme (MySTEP)* yang diperkenalkan pada tahun 2022. Program ini jelas memberi peluang kepada masyarakat untuk bekerja semula dan impaknya dapat dilihat apabila kadar pengangguran menurun dari 4.9 peratus pada Januari 2021 kepada 3.9 peratus pada 2022.

Jadi, kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara FDI, INF dan PO dengan KP di Malaysia dari tahun 1986 sehingga tahun 2021 dalam jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang.

## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

### 1.4.1 Objektif umum

Objektif umum kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti hubungan pembolehubah makroekonomi terpilih iaitu FDI, INF dan PO dengan kadar pengangguran di Malaysia dari tahun 1986 sehingga tahun 2021.





### 1.4.2 Objektif khusus

Bagi mencapai matlamat yang digariskan ini, kajian ini mempunyai beberapa objektif khusus iaitu:

- i. Untuk mengenalpasti hubungan antara FDI, INF dan PO dengan KP di Malaysia dalam jangka masa pendek.
- ii. Untuk mengenalpasti hubungan antara FDI, INF dan PO dengan KP di Malaysia dalam jangka masa panjang.

### 1.5 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan kajian yang perlu diselidik iaitu:

- i. Apakah hubungan antara FDI, INF dan PO dengan KP di Malaysia dalam jangka masa pendek.
- ii. Apakah hubungan antara FDI, INF dan PO dengan KP di Malaysia dalam jangka masa panjang.



### 1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pembolehubah makroekonomi yang terpilih iaitu pelaburan langsung asing (FDI), kadar inflasi (INF), dan kadar pertumbuhan penduduk (PO) mempengaruhi kadar pengangguran di Malaysia dari tahun 1986 sehingga tahun 2021. Terdapat beberapa hipotesis yang dibina berdasarkan kajian yang hendak dijalankan termasuklah seperti berikut:

H<sub>1</sub> : Terdapat hubungan yang signifikan sama ada positif atau negatif antara FDI dan KP di Malaysia dalam jangka masa panjang.





H<sub>2</sub> : Terdapat hubungan yang signifikan sama ada positif atau negatif antara INF dan KP di Malaysia dalam jangka masa panjang.

H<sub>3</sub> : Terdapat hubungan yang signifikan sama ada positif atau negatif antara PO dan KP di Malaysia dalam jangka masa panjang.


H<sub>4</sub> : Terdapat hubungan yang signifikan sama ada positif atau negatif antara FDI dan KP di Malaysia dalam jangka masa pendek.

H<sub>5</sub> : Terdapat hubungan yang signifikan sama ada positif atau negatif antara INF dan KP di Malaysia dalam jangka masa pendek.


H<sub>6</sub> : Terdapat hubungan yang signifikan sama ada positif dan negatif antara PO dan KP di Malaysia dalam jangka masa pendek.

## 1.7 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Fokus kajian ini ialah berdasarkan data tahunan kadar pengangguran, pelaburan langsung asing, kadar inflasi dan kadar pertumbuhan penduduk bagi negara Malaysia. Kerangka konseptual kajian ini terdiri daripada pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kadar pengangguran (KP), pelaburan langsung asing (FDI), kadar inflasi (INF) dan kadar pertumbuhan penduduk (PO).



Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji pemboleh ubah makroekonomi yang terpilih iaitu pelaburan langsung asing (FDI), kadar inflasi (INF), dan kadar pertumbuhan penduduk (PO) mempengaruhi kadar pengangguran di Malaysia dari tahun 1986 sehingga tahun 2021. Pemboleh ubah bersandar yang digunakan dalam kajian ini adalah kadar pengangguran (KP) manakala bagi pemboleh ubah tidak bersandar pula adalah pelaburan langsung asing (FDI), kadar inflasi (INF), dan kadar pertumbuhan penduduk (PO). Pemboleh ubah tidak bersandar ini digunakan dalam menerangkan pemboleh ubah bersandar iaitu kadar pengangguran dan akan dijadikan asas dalam proses pembentukan model kajian.



Rajah 1.6

Kajian ini menggunakan kaedah Autoregressi Lat Tertabur (ARDL) yang dibangunkan oleh Pesaran dan Shin (1999) dan Pesaran et, al. (2001). Pendekatan ARDL ini adalah untuk mengukur kointegrasi data dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Sebelum melaksanakan ujian ARDL, ujian punca unit haruslah dilaksanakan terlebih dahulu bagi mendapatkan kepegunaan data sama ada pada I(0) atau I(1) mahupun campuran I(0) I(1). Seterusnya, ujian sempadanan dilakukan bagi ini membantu untuk mengetahui sama ada



pembolehubah yang mendasari dalam model disepadukan atau tidak, memandangkan endogen pembolehubah. Walau bagaimanapun, apabila terdapat berbilang vektor kointegrasi Pendekatan ARDL kepada kointegrasi tidak boleh digunakan (Nkoro & Uko, 2016). Ujian Sempadan ini juga adalah untuk mendapatkan data mengenai hubungan dalam jangka masa panjang. Seterusnya, ujian pembetulan ralat dilaksanakan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan hubungan dalam jangka masa pendek. Bagi mengenal pasti hubungan dalam jangka masa pendek, ECT yang diperoleh dalam Ujian Pembetulan Ralat haruslah mempunyai tanda negatif dan di bawah paras satu bagi mendapatkan hubungan pembolehubah dalam jangka masa pendek. Akhir sekali, pelaksanaan ujian dianogistik. Ujian dianogistik ini dilaksanakan bagi memastikan kesesuaian model ARDL dalam objektif ini. Kajian ini menggunakan tiga ujian diagnostik yang berbeza untuk menangani masalah yang berkaitan dengan model yang dianggarkan. Tujuannya adalah untuk memastikan hasilnya konsisten dan cekap memenuhi semua andaian yang diperlukan. Ujian ini terdiri daripada ujian normaliti, bersiri ujian korelasi dan ujian heteroskedastisiti.

Pendekatan ARDL ini dipilih kerana menurut Harris dan Sollis (2003), pendekatan ARDL ini tidak memerlukan semua pembolehubah yang dikaji digabungkan dalam urutan yang sama dan boleh dilaksanakan apabila pembolehubah tidak dibentuk digabungkan daripada pecahan tunggal, sifar atau bersepodu. Selain itu, pendekatan ARDL ini hanya menerima sampel data yang kecil sahaja menjadikannya lebih berkesan dan akhir sekali, pendekatan ARDL ini menunjukkan hasil yang tidak berat sebelah dalam jangka masa panjang. Kajian daripada Monte Carlo oleh Gerard dan Godfrey (1998) yang dipetik oleh Wododo et, al. (2013) menyatakan bahawa pendekatan ARDL ini lebih sesuai digunakan untuk menganggar pekali jangka masa panjang daripada hubungan kointegrasi.





## 1.8 SKOP PENYELIDIKAN

Skop penyelidikan bagi kajian ini adalah menfokuskan kepada kadar pengangguran dari tahun 1986 sehingga tahun 2021 di Malaysia. Kunci utama untuk mengkaji pembolehubah makroekonomi yang menpengaruhi kadar pengangguran di Malaysia ini adalah disebabkan kadar pengangguran di negara ini menunjukkan turun naik sejak tahun 1986 . Bahkan pada tahun 1986, negara Malaysia mencapai kadar pengangguran yang agak tinggi iaitu sebanyak 7.4 peratus dan merupakan peratusan kadar pengangguran yang tertinggi dalam tempoh 30 tahun (1981 – 2010) (Norhayati et. al, 2012). Pada tahun 1997, berlakunya krisis kewangan Asia, namun ianya tidak memberikan impak kepada kadar pengangguran di Malaysia. Namun begitu, pada tahun 2020, dunia diuji dengan kehadiran serangan pandemik COVID-19. Seluruh dunia merasai kesukaran dalam mengatasi pandemik ini dari terus merebak menghakis manusia. Pelbagai sektor terkesan dengan kehadiran serangan COVID-19 sehingga menyebabkan seluruh dunia terhenti seketika untuk melawan wabak ini. Pelbagai cara dilakukan bagi mengawal penularan wabak pandemik COVID-19 ini termasuklah pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP). PKP yang dilaksanakan ini telah menyebabkan berlakunya peningkatan dalam kadar pengangguran sehingga melebihi 4 peratus. Jadi tempoh selama 38 tahun ini dikaji adalah untuk mengetahui adakah sama ada krisis-krisis dan PKP yang berlaku sepanjang tempoh tersebut mempengaruhi kadar pengangguran di Malaysia.

## 1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti pembolehubah makroekonomi yang terpilih iaitu pelaburan langsung asing (FDI), kadar inflasi (INF) dan kadar pertumbuhan penduduk (PO) mempengaruhi kadar pengangguran di Malaysia dari tahun 1986 sehingga tahun 2021. Walaupun kajian ini hanya menfokuskan di Malaysia, namun ianya boleh digunakan dan dijadikan panduan untuk menyelidik bagi negara lain.





Kajian ini adalah penting kerana kadar pengangguran dapat mencerminkan ekonomi sesebuah negara. Setiap negara sudah tentu tidak menginginkan kadar pengangguran yang tinggi kerana ianya akan mencemarkan kedaulatan, keamanan, kestabilan dan juga nama baik negara di mata pelabur asing. Negara yang mempunyai kadar pengangguran yang tinggi atau melebihi 4 peratus haruslah melaksanakan sesuatu bagi mengawalnya. Hal ini kerana, pelbagai impak yang akan dihadapi oleh masyarakat sekiranya kadar pengangguran terus memuncak tinggi.

Selain itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti pemboleubah makroekonomi manakah yang paling berkesan untuk mengurangkan kadar pengangguran. Dengan cara itu, kerajaan dapat meningkatkan lagi pengaruh pembolehubah tersebut untuk mengurangkan kadar pengangguran di negara ini. Sebagai contoh, jika FDI merupakan pembolehubah yang paling berkesan untuk mengurangkan kadar pengangguran, maka kerajaan perlu menarik lebih



banyak minat pelabur asing untuk melabur di negara ini.

Terdapat kajian lepas yang menyatakan bahawa hubungan antara inflasi dengan kadar pengangguran mempunyai hubungan yang negatif namun, ada juga hasil kajian lepas mendapati bahawa hubungan antara inflasi dan kadar pengangguran ini mempunyai hubungan yang positif. Begitu juga dengan pembolehubah makroekonomi yang lain, yang mana terdapat percanggahan keputusan dan pendapat daripada pengkaji-pengkaji tersebut menyebabkan penyelidik menjalankan kajian ini untuk mendapatkan hasil yang memuaskan untuk melihat hubungan kadar inflasi, kadar pertumbuhan penduduk dan pelaburan langsung asing terhadap kadar pengangguran di Malaysia. Jadi, kajian ini amat penting untuk mengetahui adakah pembolehubah makroekonomi yang terpilih ini mempengaruhi kadar pengangguran di Malaysia agar kadar pengangguran di negara ini sentiasa berada pada tahap yang rendah.





## 1.10 DEFINISI OPERASIONAL

### 1. 10.1 Kadar Pengangguran

Pengangguran merujuk kepada individu yang sedang mencari pekerjaan secara aktif tetapi kini tidak terlibat dalam pekerjaan mereka diukur sebagai bahagian KDNK (Atilia, Sisay & Shiferaw, 2022). Disamping itu, ia juga ditakrifkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) ialah bilangan orang yang berumur 18 tahun ke atas yang ingin dan mampu mencari kerja pada kadar upah tertentu tetapi tidak mampu untuk mendapatkannya. Termasuk dalam kumpulan ini ialah mereka dalam tenaga kerja yang bekerja tetapi tidak mempunyai pekerjaan yang sesuai. Manakala, kadar pengangguran pula ditakrifkan sebagai perkadarhan penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja. Kadar pengangguran adalah salah satu ukuran sejauh mana kelonggaran pasaran buruh, serta penting penunjuk kesejahteraan ekonomi dan sosial (OECD, 2013). Kadar pengangguran dikira menggunakan formula berikut:

$$\text{Kadar pengangguran} = \frac{\text{bilangan penganggur}}{\text{bilangan penduduk dalam tenaga buruh}} \times 100$$

### 1.10.2 Pelaburan Langsung Asing

Pelaburan langsung asing (FDI) ialah pegangan pemilikan dalam syarikat atau projek asing yang dibuat oleh pelabur, syarikat atau kerajaan dari negara lain. Secara amnya, istilah ini digunakan untuk menerangkan keputusan perniagaan untuk memperoleh kepentingan yang besar dalam perniagaan asing atau membelinya secara langsung untuk mengembangkan operasi ke wilayah baharu. Istilah ini





biasanya tidak digunakan untuk menggambarkan pelaburan saham dalam syarikat asing sahaja. FDI ialah elemen utama dalam integrasi ekonomi antarabangsa kerana ia mewujudkan hubungan yang stabil dan berpanjangan antara ekonomi. Tujuan pelaburan langsung asing ini adalah untuk mewujudkan kepentingan yang berkekalan. Hal ini kerana, faedah yang berkekalan ini dapat membezakan FDI daripada pelaburan portfolio asing, di mana pelabur secara pasif memegang sekuriti dari negara asing. Pelaburan langsung asing boleh dibuat dengan mendapatkan faedah yang berkekalan atau dengan mengembangkan perniagaan pelabur ke negara asing.

Selain itu, pelaburan langsung asing (FDI) ditakrifkan sebagai pelaburan yang sangat menguntungkan bagi negara tuan rumah atau negara yang menyediakan pelaburan. Pelaburan semakin diminati oleh pelbagai negara, kerana manfaat yang



sangat besar untuk ekonomi. FDI juga dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan dapat menyelesaikan masalah sosioekonomi seperti pengangguran. Pelaburan juga digunakan sebagai strategi oleh beberapa negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat.

### 1.10.3 Kadar Inflasi

Inflasi ialah kenaikan jangka panjang dalam harga perkhidmatan dan barang akibat penurunan nilai mata wang. Inflasi juga adalah situasi yang terus meningkatkan tahap harga umum dan diukur dengan kadar ertumbuhan tahunan deflator KDNK (Atila et.al, 2022). Walaupun inflasi adalah perkara yang buruk, ia mungkin satu perkara yang baik kepada usahawan. Kebiasaannya, masalah kadar inflasi yang tinggi timbul apabila berlaku kenaikan yang tidak dijangka. Jika pendapatan tidak meningkat apabila inflasi meningkat, kuasa beli setiap orang akan berkurangan





dengan berkesan yang seterusnya membawa kepada ekonomi yang tidak stabil atau perlahan.

#### 1.10.4 Kadar Pertumbuhan Penduduk

Pertumbuhan penduduk merupakan peningkatan dalam bilangan penduduk yang meningkat di negara yang diukur dalam perubahan saiz populasi sebagai faktor masa (Atila et. al, 2022). Ia ialah kadar purata tahunan perubahan saiz penduduk untuk negara tertentu dalam tempoh masa tertentu. Menurut Laporan Ekonomi 1984/ 85 Kementerian Kewangan Malaysia, pertumbuhan adalah dianggap sebagai modal yang utama untuk kemajuan ekonomi dan sosial sesebuah negara, di samping itu, ia juga dapat meningkatkan daya pengeluaran ekonomi. Pertumbuhan penduduk merujuk kepada pertambahan bilangan individu dalam sesuatu populasi pada tahun tertentu. Manakala, kadar pertumbuhan penduduk pula merujuk kepada ukuran trend kepadatan penduduk. Kadar pertumbuhan penduduk ini dapat mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam bilangan populasi.

Berikut merupakan formula bagi mengira pertumbuhan penduduk:

$$\text{Pertumbuhan Penduduk} = \frac{\text{Jumlah kelahiran} - \text{Jumlah Kematian}}{\text{Jumlah Penduduk}} \times 1000$$

Manakala, bagi mendapatkan kadar pertumbuhan penduduk, rumus berikut digunakan:

#### Kadar Pertumbuhan Penduduk

$$= \text{Kadar Pertumbuhan Semula Jadi} + \text{Kadar Migrasi Bersih}$$





## 1.11 ORGANISASI KAJIAN

Kajian ini dibahagikan kepada lima bahagian mengikut bab. Bab satu menerangkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah kajian yang dijalankan. Selain itu, bab satu juga membincarakan beberapa objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian dan kerangka konseptual kajian. Seterusnya, menerangkan skop penyelidikan, kepentingan kajian, dan definisi operasional.

Bab seterusnya adalah bab dua yang menghuraikan hasil daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik ini. Bab ini juga membincangkan beberapa teori yang berkaitan dengan topik ini yang dikeluarkan oleh para ekonomi dahulu dan para ekonomi moden mengenai kadar pengangguran.

Dalam bab tiga pula, membincangkan mengenai kaedah penyelidikan yang diguna pakai dalam kajian ini dengan lebih terperinci. Kaedah penyelidikan ini digunakan bagi mencapai matlamat objektif kajian iaitu untuk mengetahui pembolehubah makroekonomi manakah yang mempengaruhi kadar pengangguran di Malaysia dari tahun 1982 sehingga tahun 2020.

Bab empat pula menghuraikan dan membincangkan hasil daripada dapatan kajian sama ada mencapai matlamat objektif ataupun tidak. Hasil keputusan analisis yang dijalankan akan diringkasan dalam bentuk jadual bagi memudahkan perbincangan.

Akhir sekali, bab lima membincangkan kesimpulan secara keseluruhan hasil dapatan kajian. Selain itu, bab ini juga mengutarakan beberapa cadangan penambahbaikan bagi kajian yang dijalankan. Seterusnya, bab ini turut membincangkan secara keseluruhan kajian ini sama ada ianya telah mencapai matlamat objektif yang diinginkan ataupun sebaliknya.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.12 RUMUSAN

Kadar pengangguran merupakan salah satu isu yang sentiasa menjadi topik kepada semua negara terutamanya negara membangun. Hal ini kerana, kadar pengangguran yang tinggi akan mendatangkan kesan yang negatif kepada sesebuah negara. Bukan sahaja melibatkan ekonomi negara malahan turut menganggu kedaulatan dan keamanan sesebuah negara. Jadi, terdapat beberapa pemboleh ubah makroekonomi yang terpilih yang dikaji sama ada mempunyai hubungan dengan kadar pengangguran ataupun tidak. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pemboleh ubah makroekonomi terpilih yang mempengaruhi kadar pengangguran di Malaysia dari tahun 1986 sehingga tahun 2021.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi